# BAB 5 : PENTADBIRAN BARAT DI SARAWAK DAN SABAH

## 5.1 Latar Belakang Pemerintahan Tempatan di Sarawak dan Sabah

- Sistem pemerintahan yang diamalkan di Sarawak dan Sabah sebelum kedatangan kuasa barat telah membawa kestabilan, keharmonian dan kemakmuran di negeri-negeri berkenaan.
- Sistem ini menjadi panduan dalam perkembangan ekonomi, sosial dan politik di Sarawak dan Sabah

### Sistem Pemerintahan Tempatan di Sarawak

1) Sistem Kesukuan

- Diamalkan oleh masyarakat Iban, Bidayuh, Kenyah, Kelabit dan Kayan
- Penekanan terhadap kepatuhan kepada adat
- Pemilihan pemimpin bukan sekadar faktor keturunan namun lebih kepada faktor peribadi

| Masyarakat | Ketua | Peranan |
|---|---|---|
| Iban | Tuai Rumah | ▪ Orang tengah menyelesaikan pertelingkahan penduduk<br>▪ Memastikan keharmonian berkekalan |
| Bidayuh | Tua Kapung | |
| Kenyah | Peran Lepo | |
| Melanau | Menteri | |
| Kayan | Kelunan Maren | |

2) Sistem Pentadbiran

- Sarawak dipengaruhi oleh sistem pentadbiran Kesultanan Brunei yang terbahagi kepada 3 bentuk iaitu Sungai Kerajaan, Sungai Tulin dan Sungai Kuripan
- Pentadbiran dijalankan oleh pembesar tempatan yang menjadi wakil sultan / pembesar yang memiliki wilayah
- Sungai Sarawak ditadbir oleh Datu Patinggi, Datu Bandar dan Datu Temenggung sebagai wakil Sultan Brunei
- Kawasan pedalaman ditadbir oleh Orang Kaya
- Kuasa Kesultanan Brunei di Sarawak berasaskan sistem penguasaan tanah

3) Sistem Kedatuan

- Merupakan sistem pemerintahan tradisi masyarakat Melayu yang diamalkan oleh kerajaan- kerajaan awal di Sarawak seperti Kerajaan Sawaku yang terletak di sekitar Sungai Sarawak yang ditadbir oleh Datu Merpati Jepang
- Keturunan Datu Merpati Jepang memerintah menggunakan gelaran Datu Patinggi, Datu Bendahara (Datu Bandar) dan Datu Temenggung
- Sewaktu pengaruh Kesultanan Brunei, pembesar berkenaan menjadi wakil bagi pihak Sultan Brunei untuk mentadbir Sarawak tanpa campur tangan Kesultanan Brunei
- Mereka bertanggungjawab menjalankan pentadbiran dan membangunkan Sarawak.

## Sistem Pemerintahan Tempatan di Sabah

1) Sistem Kesukuan

- Pegangan adat menjadi alat kawalan sosiopolitik yang berkesan
- Orang Tua (Ketua Kampung) sebagai pemimpin utama menyelesaikan masalah
- Majlis Kampung membantu Orang Tua dalam pengurusan adat
- Tukang-tukang Adat pula memastikan setiap adat dilaksanakan dengan sempurna bagi mengelakkan bencana
- Bagi masyarakat Bajau di Pantai Timur Sabah, pemimpin mereka dikenali sebagai matto'a yang menjadi pelindung adat dan kepentinga anak buah
- Sistem ini turut diamalkan oleh masyarakat Kadazandusun, Murut dan Bajau

2) Sistem Pentadbiran

- Kawasan Pantai Barat dikuasai oleh Kesultanan Brunei, manakala kawasan Pantai timur pula dikuasai oleh Kesultanan Sulu
- Kuasa Kesultanan Brunei berasaskan sistem penguasaan tanah
- Pentadbiran dijalankan oleh pembesar tempatan yang mewakili sultan / pembesar yang memiliki wilayah
- Sultan Sulu memiliki semua tanah, namun kuasa pemerintahan diwakilkan pada Datu • Kuasa Datu bergantung pada milikan bilangan hamba (pengikut) dan kemampuan menghantar ufti secara tetap kepada sultan

3) Sistem Ketua Bebas

- Berlaku apabila kuasa Sultan Brunei atau Sulu lemah pada ke-17 dan ke-18.
- Sistem ini muncul kerana sikap berani dan keperwiraan mencabar kewibawaan sultan di kawasannya • Mereka mempunyai pertalian keluarga dengan Sultan Brunei atau Sultan Sulu
- Menjalankan pentadbiran, ada undang-undang sendiri dan tidak iktiraf kuasa lain
- Antara Ketua Bebas ialah Syarif Osman yang berkuasa di daerah Marudu dan Datu Kerunding di daerah Tungku

# [Bab 5]

**Latihan**

**1.** Jadual berikut berkaitan dengan pelaksanaan Sistem Kesukuan di Sarawak

| Masyarakat | Ketua Masyarakat |
|---|---|
| Iban | Tuai Rumah |
| Kenyah | Peran Lepo |
| Melanau | Menteri |

Apakah persamaan ketua masyarakat tersebut?

A. Memajukan pertanian C. Mengubal undang-undang
B. Menjamin keharmonian D. Menggalakkan perdagangan

**2.** Sistem Kedatuan merupakan sistem pemerintahan tradisi masyarakat Melayu Sarawak. Pusat pemerintahannya terletak di

A. Sekitar Sungai Sarawak C. Sekitar Sungai Kucing
B. Sekitar Sungai Rajang D. Sekitar Sungai Batang Lupar

**3.** Siapakah yang mengetuai pentadbiran peringkat kampung dalan Sistem Kesukuan di Sabah

A. Datu C. Orang Tua
B. Penghulu D. Tuai Rumah

**4.** Sistem kesukuan diamalkan dalam kalangan masyarakat tempatan di Sarawak dan Sabah. Apakah penekanan yang diberiakan melalui pengamalan sistem tersebut?

A. Kepatuhan Adat C. Penentuan keturunan
B. Perlantikan pemimpin D. Kebolehan peribadi

**5.** Apakah yang menajdi teras kepada kekuasaan Kesultanan Brunei di Sabah?

A. Penguasaan tanah C. Pencapaian pembangunan
B. Keturunan D. Kemampuan menghantar ufti



# [Bab 5]

1. Sistem pentadbiran tempatan dikenal sebagai Sistem Kedatuan.

a) Apakah maksud Sistem Kedatuan tersebut?

[2 Markah]

b) i. Apakah kerajaan terawal dalam Sistem Kedatuan tersebut?

[1 Markah]

ii. Bagaimanakah kerajaan tersebut dilantik?

[1 Markah]

c) Nyatakan gelaran yang digunakan oleh pentadbir tersebut?

[2 Markah]

d) Sistem pentadbiran yang adil dan telus dapat memelihara kesejahteraan hidup rakyat. Berikan hujah anda untuk menyokong pernyataan tersebut?

[4 Markah]



## [Bab 5]

2. Sistem pemerintahan tempatan di Sarawak dikenal sebagai Sistem Kesukuan

a) Berikan dua masyarakat Sarawak yang mengamalkan sisten tersebut.

i. …………………………………………….

ii. …………………………………………….

[2 Markah]

b) Lengkapkan gelaran pemimpin utama masyarakat berikut

i. Iban :

ii. Kenyah :

iii. Melanau :

[3 Markah]

c) Nyatakan tugas pemimpin masyarakat Sarawak tersebut.

[2 Markah]

d) Apakah cirri-ciri pemimpin yang akan anda pilih untuk menjadi pemimpin di kawasan anda?





**5.2 Perluasan Kuasa Dinasti Brooke Di Sarawak**

- Kekayaan Sarawak dengan pelbagai hasil bumi terutamanya sagu, antimoni dan emas menarik minat James Brooke menguasai Sarawak.
- Beliau menggunakan pelbagai strategi yang akhirnya membawa kepada penguasaan dan pengukuhan kedudukannya di Sarawak

**Sarawak Ketika Kehadiran James Brooke**

- Kawasan Sungai Sarawak merupakan kawasan ekonomi
- Masyarakat Melayu tertumpu di Lidah Tanah yang menjadi pusat perdagangan dan pentadbiran disebabkan tempatnya yang strategik kerana mampu kawal perdagangan sungai dan kawasan pedalaman • Sultan Brunei menghantar Pengiran Indera Mahkota untuk kuasai ekonomi
- Terdapat beberapa individu yang terbabit dalam percaturan politik dan pemerintahan Sarawak sebelum penguasaan James Brooke :

**1) Sultan Brunei ( Sultan Omar Ali Saifuddin II )**

- Sultan Brunei berhasrat mengawal kegiatan perdagangan di Sarawak
- Baginda menghantar Pengiran Indera Mahkota yang kemudianya mendirikan pusat pentadbirannya di Kucing
- Baginda ditentang oleh Datu Patinggi Ali kerana mengenakan cukai yang tinggi dan kerahan tenaga

**2) Pengiran Raja Muda Hashim**

- Dihantar oleh Sultan Brunei ke Sarawak untuk menyelesaikan masalah penentangan di Sarawak
- Berusaha memujuk Datu Patinggi Ali tetapi gagal
- Akhirnya beliau meminta bantuan James Brooke

**3) James Brooke**

- Seorang pengembara (Kapal Royalist) dan mencari peluang mendapatkan Sarawak
- Disokong oleh British dengan bantuan tentera laut
- Menerima pelawaan Pengiran Raja Muda Hashim untuk menyelesaikan masalah penentangan di Sarawak dengan syarat serahkan Sarawak kepadanya

**4) Datu' Patinggi Ali**

- Merupakan pembesar tempatan yang menentang tindakan-tindakan wakil Sultan Brunei yang menjejaskan kehidupan masyarakat Sarawak
- Bersetuju berunding dengan James Brooke dan menamatkan penentangan





**<u>James Brooke Mendapat Kuasa Pemerintahan</u>**

- James Brooke menggunakan empat strategi dalam usaha mencapai matlamatnya.

| James Brooke mendapatkan kuasa pentadbiran melalui empat strategi | | | |
|---|---|---|---|
| Rundingan | Ugutan | Perjanjian | Ketenteraan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| ▪ Dengan Pengiran Raja Muda Hashim<br>▪ Diminta selesaikan penentangan<br>▪ Ditawarkan Sarawak sebanyak dua kali<br>▪ Menerima tawaran | ▪ Mengugut Pengiran Raja Muda Hashim untuk menyerang Kucing kerana berdolak dalih untuk menyerahkan Sarawak ▪ Tindakan ini menyebabkan Pengiran Raja Muda Hashim bersetuju menyerahkan Sarawak ▪ Mengugut Sultan Brunei; Sultan Omar Ali Saifuddin, apabila beliau hadir diiringi angkatan tentera British<br>▪ Sultan mengesahkan penyerahan Sarawak | ▪ Perjanjian 1841<br>➢ Antara James Brooke dengan Pengiran Raja Muda Hashim<br>➢ JB memerintah Sarawak dan menguasai hasil<br>➢ Menghormati dan memelihara undang2 serta adat istiadat Melayu<br><br>▪ Perjanjian 1842<br>➢ Dengan Sultan Brunei ➢ Sultan Brunei serahkan kawasan Tanjung Datu ke Sungai Samarahan<br>➢ Serah semua pendapatan Sarawak<br>➢ JB bayar ufti 2500 dolar Spanyol<br>➢ Tidak boleh campurtangan dalam agama dan adat tempatan<br>➢ Tidak boleh pindah milik tanpa kebenaran Sultan<br>➢ Sultan Brunei iktiraf JB sebagai Raja Putih Sarawak | ▪ Bantuan tentera laut British dan kapal HMS Dido<br>▪ Digunakan memerangi ancaman lanun yang mengganggu perdagangan dan ketenteraman Sarawak |





**Pengukuhan Kuasa James Brooke**

| Pengukuhan Kuasa James Brooke |
|---|

| | |
|---|---|
| Kekuatan Tentara | ▪ JB memperolehi bantuan dan sokongan daripada tentera laut British ▪ HMS Dido menghancurkan kubu kuat Iban di Sg Saribas dan Sg Skrang |
| Menentang Kebangkitan Orang Tempatan | ▪ JB menganggap kebangkitan orang tempatan sebagai lanun ▪ Isu ini menjadi alasan tindakan meluaskan kuasa di kawasan orang Iban sebagai tindakan sah dan mendapat sokongan British |
| Memperolehi Sokongan Sebahagian Masyarakat Tempatan | ▪ JB berjaya memperolehi sokongan daripada sebahagian orang tempatan termasuklah sebahagian orang Melayu dan Iban |
| Mengambil Kesempatan daripada Pertelingkahan yang Wujud dalam Masyarakat Tempatan | ▪ Di Mukah JB menyokong Pengiran Matusin yang berkonflik dengan Pengiran Ersat kerana lebih dihormati oleh penduduk tempatan ▪ JB menyokong Pengiran Matusin hingga membolehkan JB memecahkan kekuatan masyarakat tempatan di Mukah |
| Menghapuskan Tokoh Tempatan yang Menentang Kedudukannya | ▪ JB berjaya menyingkirkan tokoh tempatan yang menentangnya ▪ Sharif Masahor dituduh terlibat dalam pakatan menyingkir JB dibuang ke Singapura<br>▪ Datu Patting Abang Abdul Ghafur bin Abang Qahar dibuang ke Melaka |
| Memperkukuhkan Pertahanan Sarawak | ▪ Benteng dan kubu dilengkapi dengan meriam<br>▪ Kubu di Sg Skarang dibina bagi memerhati pergerakkan kaum Iban ▪ Renjer Sarawak ditubuhkan bagi mengawasi keamanan dan pertahanan |
| Sokongan Kewangan | ▪ Memperolehi sokongan kewangan daripada pemodal Eropah terutama Baroness Angela Burdett-Counts |





**Kronologi Peluasan Kuasa Dinasti Brooke**

1. Tahun 1841
   - James Brooke (JB) memperolehi Kuching, kemudian kawasan dari Tanjung Datu ke Sungai Samarahan
   - Sejak 1840-an JB berjaya menguasai Batang Lupar dan Sungai Saribas
2. Tahun 1853

▪ JB berjaya menumpaskan penentangan orang Iban di Saribas dan Batang Lupas dengan alasan menghapuskan lanun

▪ JB perolehi Sadong, Batang Lupar, Saribas dan Kalaka sebagai balasan, separuh hasil pendapatan wilayah ini diserahkan kepada Sultan Abdul Mumin

3. Tahun 1861

▪ Sultan Abdul Mumin menyerahkan Sungai Rajang kepada JB dengan bayaran 4500 Dolar Sepanyol setahun kerana membantu menghapuskan kebangkitan orang tempatan termasuk Oya, Mukah, Tatau dan Bintulu

4. Tahun 1883

▪ Orang Kayan yang mendiami kawasan Sungai Baram, menentang Kesultanan Brunei. ▪ Charles Brooke ( CB = Raja Putih Sarawak II) dapat Sungai Baram daripada Sultan Brunai dengan bayaran ufti sebanyak 4200 Dolar Sepanyol

5. Tahun 1885

▪ Kawasan di Sungai Trusan diperolehi CB dengan bayaran 4500 Dolar Sepanyol diserahkan oleh Temenggung

▪ Tindakan ini diambil untuk menyelesaikan masalah pembunuhan beberapa orang peniaga Sarawak oleh orang Murut di kawasan tersebut

6. Tahun 1890

▪ Limbang diperolehi CB apabila penduduk Limbang bersetuju menyertai Sarawak ▪ Bayaran 6000 Dolar Sepanyol diberi kepada Sultan Brunei

7. Tahun 1905

▪ 12 januari 1905, Sarawak memperoleh hak ke atas Lawas yang sebelum ini dimiliki oleh SBUB namun masih mengekalkan sempadan Sarawak





**LATIHAN**

1. Mengapakah berlakunya penentangan Datu Patinggi Ali terhadap wakil Kesultanan Brunei di Sarawak pada tahun 1837?

I. Pelaksanaan kerahan tenaga III. Pencerobohan kawasan pertanian II. Pengenalan cukai yang tinggi IV. Perebutan kawasan perlombongan

A. I dan II B. I dan IV C. II dan III D. III dan IV 2. Mengapakah Sultan Brunei

menghantar Pengiran Raja Muda Hashim ke Sarawak?

A. Mengawal kegiatan lanun C. Mencari keawasan pertanian
B. Melindungi pedagang asing D. Menamatkan kebangkitan penduduk

3. Mengapakah James Brooke bersetuju membantu Pangeran Raja Muda Hasyim untuk menamatkan kebangkitan penduduk Sarawak?

A. Mendapatkan kawasan perdagangan C. Membuktikan kekuatan tentera B. Membalas budi pembesar tempatan D. Menghapuskan ancaman lanun

4. Maklumat berikut menunjukkan James Brooke menggunakan kekuatan tentera untuk mengukuhkan kuasa.

- Bantuan tentera laut British
- Menggunakan kapal perang HMS Dido

Apakah alasan James Brooke untuk menggunakan asset tentera tersebut?

A. Memerangi lanun C. Menghapuskan perang saudara
B. Mengukuhkan pertahanan D. Menyelesaikan isu pembunuhan

5. Peristiwa berikut berkaitan dengan tindakan James Brooke di Brunei

| Tahun | Peristiwa |
|---|---|
| 1842 | James Brooke menghadap Sultan Omar Ali Saifuddin di Brunei |

Apakah tujuan James Brooke berbuat demikian?
A. Menjalinkan hubungan persahabatan
B. Menawarkan bantuan ketenteraan
C. Mengesahkan pertapakkannya di Sarawak
D. Memohon kebenarannya berdagang di Sarawak

6. Maklumat berikut merujuk kepada tindakan Sultan Abdul Mumin ke atas Sarawak

Sultan Abdul Mumin menyerahkan Rajang kepada Brooke

Mengapakah baginda berbuat demikian?

A. Kekurang sumber ekonomi
B. Kebangkitan orang tempatan
C. Masalah kewangan
D. Perebutan takhta

7. Apakah kesan penting daripada peristiwa pembunuhan beberapa peniaga Sarawak oleh orang Murut di kawasan Sungai Trusan

A. Penyerahan kawasan
B. Penyelesaian masalah
C. Pembayaran pampasan
D. Perintah berkurung

8. Garis masa berikut menunjukkan kejayaan Dinasti Brooke meluaskan kuasa.

1853 1861 1890 1905

Saribas Limbang

Sungai Rajang Lawas

Apakah rumusan daripada kejayaan perluasan kuasa tersebut?

A. Kelicikan strategi
B. Kekuatan perpaduan
C. Kewibawaan pemimpin
D. Kerjasama antara pemimpin

# [Bab 5]

1. Ilustrasi berikut menunjukkan cara perluasan kuasa kerajaan Brooke di Sarawak.



a) Namakan raja-raja Brooke yang menjalankan perluasan kuasa.

i.

ii.

[2 Markah]

b) Mengapakah James Brooke ingin menguasai Sarawak

[4 Markah]

c) Ilustrasi menunjukkan perluasan kuasa keluarga Brooke adalah secara kekerasan. Buktikan. [4

Markah]



**[Bab 5]**

2. James Brooke menggunakan kesempatan terhadap masalah yang berlaku di Sarawak untuk memantapkan kuasa pentadbirannya dengan menggunakan beberapa strategi.

a) Nyatakan strategi tersebut

[2 Markah]

b) Setelah memperolehi kuasa di Sarawak, James Brooke berusaha mengukuhkan kuasanya.

Apakah usaha beliau.

[4 Markah]

c) Sebagai warganegara yang patriotik, jelaskan peranan anda untuk mengekalkan kedaulatan negara anda daripada diceroboh oleh kuasa asing.

[4 Markah]





**5.3 <u>Perluasan Kuasa Syarikat Borneo Utara British (SBUB) diSabah</u>**

**<u>Pengenalan</u>**

• Sebelum kedatangan Barat, Sabah dikuasai oleh Kesultanan Brunei, Kesultanan Sulu dan Ketua-ketua Bebas. • Kedudukan Sabah yang strategik dan mempunyai potensi ekonomi yang besar menarik pemodal asing. • Berjaya dikuasai oleh pemodal asing dan SBUB
• Startegi digunakan - pajakan, pembelian dan perjanjian

**<u>Kemakmuran Sabah Menarik Pemodal Asing</u>**

• Dua faktor penting menjadi tarikan pemodal luar :
i) Kedudukan strategik

ii) Kekayaan ekonomi

• (i) Kedudukan strategik

Kedudukan Strategik

- ➢ Berada di tengah-tengah laluan perdagangan (China - Singapura)
- ➢ Berhampiran dengan Pulau Palawan (laluan kapal belayar Jepun dan China)

tempatan - pedagang asing

- ➢ Sabah penting dalam aktiviti perdagangan (melibatkan Kepulauan Sulu hingga New Guinea dan Australia)

dijalankan

- ➢ pelabuhan yang strategik di sepanjang pantai barat dan timur Sabah.
- ➢ kapal berlabuh dengan selamat dari tiupan angin monsun. Contoh : Teluk Gaya

• (ii) Kekayaan ekonomi

Kekayaan ekonomi

- ➢ ekonomi Sabah(sarang burung, sagu, rotan, getah perca, gamat dan sirip ikan yu) memasuki psaran antarabangsa
- ➢ perdagangan masyarakat
- ➢ dikawasan daratan dan lembah - tanaman seperti indigo dan kapas hidup subur
- ➢ pertanian komersial giat
- ➢ sarang burung (permintaan tinggi - China).
- ➢ pedagang Barat yang inginkan barangan China menjadikan sarang burung barang dagangan untuk dibawa ke China.

**Sabah Sebelum Penguasaan Syarikat**

**Borneo Utara British (SBUB)**

Pulau Balambangan

- Perjanjian antara Alexander Darymple dengan Kesultanan Sulu (1763)
- mengibarkan bendera British (pulau tersebut kepunyaan British)
- Penempatan British menghadapi masalah (serangan lanun)
- British meninggalkan pulau ini pada November 1805

Pulau Labuan

- Perjanjian antara James Brooke dengan Sultan Brunei
- Sultan Brunei menyerahkan Pulau Labuan kepada British melalui perjanjian 18 Disember 1846
- British bertanggungjawab menumpaskan lanun dikawasan tersebut serta melindungi perdagangan
- James Brooke dilantik Gabenor pertama





**Pertapakan Syarikat Borneo Utara British (SBUB)**

Charles Lee Moses menyewa Sabah daripada Sultan Brunei

Sultan Brunei (1865) selama 10 tahun.
Moses menjual haknya kepada J.W.Torrey dan T.B. Harris . Kimanis - pusat perdagangan

1878 - Alfred dan Edward Dent memajak pantai timur Sabah daripada Sultan Sulu.

Baron Gustavus von Overback bekerjasama dengan dengan Alfred dan Edward Dent (majukan Sabah)

Torrey menjual haknya kepada Baron Gustavus von Overbeck.

Alfred Dent dan adiknya menubuhkan British North Borneo Provisional Association Ltd. (Julai 1881) dan mendapatkan piagam (November 1881)

Borneo Utara menjadi naungan British (tahun 1888). Pihak SBUB memerintah Borneo Utara hingga 1942.

## Perluasan kuasa Syarikat Borneo Utara British (SBUB)

- SBUB sebagai syarikat berpiagam menjadi asas penting dalam meluaskan pengaruh dan kedudukan Sabah
- Piagam Diraja :
  - ➢ beri kuasa kepada SBUB memiliki Sabah
  - ➢ diberi oleh kerajaan British yang mengiktiraf SBUB sebagai wakil kerajaan Brtish
  - ➢ menunjukkan perluasan kuasa British ke atas Sabah

## Perluasan kuasa Syarikat Borneo Utara British (SBUB)

Syarat SBUB perlu patuhi untuk menerima Piagam Diraja :

- SBUB menerima penasihat British
- Sbub perlu memelihara adat, agama dan undang-umdang penduduk tempatan
- SBUB perlu memerintah Sabah dengan adil
- SBUB perlu melantik Pegawai Tadbir yang diakui oleh British
- SBUB tidak dibenarkan menyerahkan Sabah kepada pihak lain tanpa kebenaran British

Dua matlamat penubuhan SBUB :

i) membangunkan ekonomi melalui eksploitasi sumber yang terdapat di Sabah.

ii) melindungi dan memepertahankan hak massyarakat tempatan

- SBUB mempunyai kuasa mentadbir Sabah (Piagam Diraja)
- Presiden Pertama : Sir Rutherford

Alcock • Pengarah Urusan : Alfred Dent

- Kuasa sebenar terletak ditangan pemodal di London
- Sistem birokrasi di Sabah diketuai Gabenor (untukmemastikan syariat mengaut keuntungan)
- Gabenor pertama : William Hood Treacher





## 5.4 Bentuk Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah

Pembahagian Wilayah

Pengekalan

**Wilayah (A) Di Sarawak**

Di Sarawak dan Sabah golongan Elit Tempatan

Perundangan

Pentadbiran Berhierarki

Pentadbiran Berasaskan Kaum

**1. Pembahagian**

Pemantapan Pentaadbiran

- Pada peringkat awal Raja Brooke membahagikan Sarawak kepada **tiga bahagian** bagi melicinkan pentadbiran.
- Pada 1885 dan 1890. Charles Brooke menambahkan kepada **dua bahagian.**
- Setiap bahagiann dibahagikan kepada **daerah** dan **kampung**
- **Sempadan kawasan** menjadi asas pemilikan dan kekuasaan Dinasti Brooke yang sebelum ini dilaksanakan melalui hak percukaian.

Bahagian Pertama •Sungai Sarawak dan Sadong

Bahagian Kedua •Batang Lupar, Saribas, Kalaka dan Simanggang

Bahagian Ketiga •Sungai Rajang, Oya, Mukah, Bintulu dan Matu

Bahagian Keempat •Sungai Batam

Bahagian kelima •Limbang, Trusan dan Lawas

**(B) Di Sabah**

- Pada tahap awal, SBUB ada **dua Residensi** iaitu Pantai Timur - Sandakan dan Pantai Barat - Jesselton
- 1922 - ada **lima residensi** iaitu Kudat, Pantai Barat, Pedalaman, Pantai Timur dan Tawau.
  - kesemua residensi berjumlah 17 daerah
  - Ibu negeri pertama Sabah antara tahun1881 hingga 1884 ialah Kudat
- Setiap residensi diketuai oleh Residen dan daerah diketuai oleh Pegawai Daerah dan dibantu oleh Penolong Pegawai Daerah
- Pegawai-pegawai ini biasanya berbangsa Inggeris dan Eropah.

## 2. Pembahagian Wilayah

### (A) Di Sarawak

- Dinasti Brooke melibatkan kalangan pembesar tempatan atas dasar amanah
- Ini bagi menampung kekurangan pegawai-pegawai Eropah yang jumlahnya kecil.
- Penglibatan orang tempatan terdiri daripada kalangan Datu iaitu Datu Patinggi, Datu Bandar, Datu Temenggung, Datu Imam dan Datu Hakim.
- Semasa zaman Charles Vyner Brooke gelaran baru diberi seperti Datu Menteri, Datu Pahlawan, Datu Bentara dan Datu Anuar.
- Para pembesar tidak dibenarkan mengutip cukai sebaliknya diberikan gajidan membantu dalam pentadbiran. ➢

Undang-undang tempatan dan adat yang tidak bercanggah dengan sistem Barat dikekalkan.

### (B) Di Sabah

- SBUB membahagikan ketua-ketua peribumi kepada **ketua yang diakui** dan **ketua yang tidak diakui**.
- Ketua yang diakui - diserap kedalam sistem pentadbiran SBUB dan dibayar gaji untuk menjaga keamanan serta mengutip cukai kepala.
- Ketua yang tidak diakui - Tidak dibayar gaji
- Institusi peribumi utama ialah

i) Ketua Anak Negeri - digelar **Orang Kaya-kaya (OKK)**. Membantu pegawai daerah menjalankan pentadbiran di daerah. Turut menjadi Hakim di Makhamah Anak Negeri serta berperanan menjaga keamanan, mengurus cukai dan mengurus pengadilan.

ii) Ketua Kampung (Orang Tua)

iii) Makhamah Anak Negeri

## 3. Pentadbiran Berhierarki

### (A) Di Sarawak

| | |
|---|---|
| ✓ Diketuai oleh Raja Brooke<br>✓ Dibantu oleh Majlis Tertinggi dan Majlis Negeri<br>✓ Setiap Bahagian pentadbiran di Kuching, Simanggang, Sibu, Marudi dan Lawas diketuai oleh Residen.<br>✓ Setiap bahagian dibahagikan kepada beberapa Daerah yang diketuai oleh Pegawai Daerah.<br>✓ Pentadbiran kampung diketuai oleh penghulu. | Raja Brooke<br>Majlis Tertinggi Majlis Negeri Residen<br>Bahagian<br>Daerah<br>Kampung<br>Pentadbiran Berhierarki di Sarawak |

## (B) Di Sabah

✓ Diketuai oleh Gabenor yang bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah Syarikat di London.

✓ 1883 - Majlis Penasihat ditubuhkan untuk menasihati Gabenor dalam pentadbiran.

Pemegang Saham

Lembaga Pengarah

Majlis Penasihat

Gabenor

Setiausaha Kerajaan

Ketua Jabatan

Residen

Pegawai Daerah

Ketua Anak Negeri

Ketua kampung

Pentadbiran Berhierarki di Sabah

## 3. Pentadbiran Berasaskan Kaum

Di Sarawak

• Dinasti Brooke mengamalkan dasar **sistem pecah dan perintah**

• Masyarakat dibahagikan kepada tiga kelompok : **Melayu, Iban dan Cina**

• Orang Melayu (bahagian pentadbiran), orang Cina ( ekonomi) dan orang Iban ( keselamatan dan ketenteraan) • Charles Brooke memberikan jawatan tertinggi kepada **masyarakat Iban** iaitu **Temenggung**.

• Orang Cina pula jawatan **Kapitan** dan **Kangcu**.

tempatan.

• 1911 - Mahkamah Cina dibentuk diKuching untuk menguruskan kes-kes melibatkan masyarakat Cina.

Di Sabah

• Pentadbiran berasaskan peribumi di Sabah • Pentadbir SBUB dikenali sebagai Penolong Pegawai Daerah

• Pentadbiran berasaskan kaum memberikan kesan pada pentadbiran kerajaan peringkat tempatan.

• Ketua-ketua etnik dipilih berdasarkan personaliti dan kepakaran.

## 5. Perundangan

Di Sarawak

• Januari 1842 - undang-undang lapan perkara diperkenalkan

• Diwujudkan mahkamah yang diketuai Raja dan dibantu Ketua Majistret.

• Di setiap bahagian diwujudkan Mahkamah Residen. Residen sebagai Majistret.

• Makhamah Adat - mengadili kesalahan masyarakat

Di Sabah

• Diwujudkan Mahkamah Majistret dan Mahkamah Anak Negeri.

• Mahkamah Majistret menggunakan undang undang Barat

• Mahkamah diadili oleh Pegawai Daerah. • Mahkamah Anak Negeri diadili oleh Ketua Anak Negeri.

# [Bab 5]

**Latihan**

1) Apakah kepentingan Piagam Diraja yang diberikan kepada Syarikat Borneo Utara British pada 1 November 1881? A. British mengiktiraf kedudukan SBUB sebagai wakil kerajaan British

B. SBUB hendaklah memerintah Sabah dengan adil dan saksama

C. SBUB merupakan sebuah syarikat berpiagam

D. SBUB menerima Penasihat British

2) Dinasti Brooke melibatkan pembesar tempatan dalam sistem pentadbiran atas nama dasar amanah. Antara yang berikut, yang manakah merupakan penglibatan orang tempatan di kalangan Datu?

I Datu Imam II Datu Laksamana

III Datu Laut IV Datu Hakim

A. I dan II B. I dan IV

C. II dan III D. III dan IV

3) Ketua Anak Negeri telah dilantik menjadi hakim di Mahkamah Anak Negeri Sabah. Antara yang berikut, yang manakah tugas Ketua Anak Negeri?

A. Membantu Pegawai Daerah

B. Memelihara keamanan

C. Mengutip cukai kepala

D. Mengurus pentadbiran pengadilan

4) Antara yang berikut, yang manakah merupakan pembahagian residensi di Sabah?

I Residensi Pantai Barat II Residensi Pantai Timur

III Residensi Jesselton IV Residensi Kudat

A. I dan II B. I dan IV

C. II dan III D. III dan IV

5) Antara yang berikut, yang manakah merupakan mahkamah yang terdapat dalam sistem perundangan Sarawak?

I Mahkamah Cina II Mahkamah Residen

III Mahkamah Melayu IV Mahkamah Iban

A. I dan II B. I dan IV

C. II dan III D. III dan IV

[ 5 Markah ]



# [Bab 5]

**Subjektif**

1) a) Jelaskan corak pemerintahan yang diamalkan di Sabah.

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________ [ 4 Markah ]

b) Kekayaan sumber alam mempengaruhi corak kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat di Sabah. Bincangkan. [ 8 Markah ]

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

c) Masyarakat berbilang kaum merupakan keunikan negara kita. Pada pendapat anda, bagaimanakah keharmonian sesebuah negara dapat dielakkan? [ 8 Markah ]

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________